



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS
17 OKTOBER 2024

Gandakan peruntukan, buka banyak peluang pekerjaan



Persatuan seni berharap industri seni kreatif tempatan ikut langkah Korea Selatan

Oleh Farihad Shalla Mahmud
farihad@bh.com.my

Harapan utama persatuan seni terhadap pembentangan Belanjawan 2025 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sangat mengunggulkan apabila mahu melihat industri seni kreatif meneroka peruntukan lebih besar tahun hadapan.

Presiden Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN), Zed Zaidi berkata, ia seajar hasrat kerajayaan mahu penggiat industri kreatif menjadikan kemajuan dan perkembangan industri perfleman di Korea Selatan sebagai contoh.

"Harapan kami mahu melihat industri kreatif tempatan membantu menggerakkan industri lain. Contohnya di Korea Selatan, industri mereka direka sebagai alat yang boleh membantu industri lain, seperti pelancongan.

"Mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan untuk gandakan industri menggerakkan dari RM160 juta, tahun lalu kepada RM320 juta.

"Antara sebab mengapa industri seni kreatif di Korea Selatan berkembang pesat adalah sokongan

padu kerajaan.

"Menerusi karya seni, mereka mempromosikan budaya dan lokasi menarik untuk merangsang ekonomi negara dari sudut pelancongan.

"Bila dapat peruntukan lebih, kita boleh hasilkan set penggambaran yang hebat di lokasi menarik yang ada di negara ini.

"Mungkin selepas tamat penggambaran, set penggambaran itu tidak dimanuskripsikan, sebaliknya dikekalkan supaya boleh jadi tarikan pelancongan seperti yang berlaku di lokasi penggambaran filem *Lord Of The Rings* di New Zealand," katanya kepada **HIP**.

Zed atau nama sebenarnya, Rozaidi Jamil berkata, penambahan peruntukan perlu untuk dimanfaatkan pelapis industri seni kreatif yang sedang mempelajari ilmu berkaitan industri perfleman.

"Harus diingat kita ada ramai golongan pelapis yang ketika ini sedang mendalami ilmu perfleman.

"Sebaik tamat pengajian, mereka akan memasuki lapangan untuk memanfaatkan ilmu dipelajari

dan menjadi tugas kerajaan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan buat kelompok ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Zed berharap kerajaan menyambung pemberian subsidi caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) seperti diperkenalkan, tahun ini.

"Ketika ini, 4,500 pekerja filem dan industri seni mendapat manfaat apabila subsidi percuma bagi pencaruman PERKESO.

"Sebanyak 90 peratus caruman ditanggung kerajaan, manakala 10 peratus lagi adalah sumbangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

"Bantuan ini sangat bermakna buat penggiat industri seni kreatif. Jika kerajaan boleh menyambung subsidi, ia satu tindakan yang bagus dan nasib penggiat industri seni kreatif akan terus terbebas," ujarnya.

Sementara itu, misi membangunkan industri perfleman tanah air bukan hanya bergantung pada pemberian dana semata-mata, tetapi

pi kemajuan dari segi infrastruktur juga perlu diutamakan.

Pengerusi Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM), Datuk Afidlin Shauki berkata, pembiayaan lebih banyak studio 'indoor' dan 'outdoor' perlu dimasukkan kerajaan dalam belanjawan kali ini.

"Saya tahu ramai mahu melihat unit untuk perbaiki industri, kita perlukan lebih banyak dana seperti Dana Kandungan Digital (DKD).

"Namun, hakikatnya kita memerlukan lebih banyak pembinaan studio untuk penggambaran di luar dan dalaman seperti dibina di Korea Selatan.

"Mereka memiliki studio sangat luas dan dilengkapi dengan peralatan yang memudahkan penggambaran sesuai babak dilakukan. Contohnya, jika drama atau filem membuatkan zanana purbakala," ujar Afidlin.

Selain itu, katanya, kerajaan juga perlu menawarkan pelbagai insentif menarik yang bukan sahaja disasarkan untuk karyawan baharu, tetapi kepada orang lama kerana mereka juga sebahagian

dari padapada industri.

"Contohnya, pengarah U-Wei Shaari yang menghasilkan filem kenegaraan yang ditonton seluruh dunia.

"Mereka perlu dibantui dengan sumbangan dana supaya dapat hasilkan filem yang boleh meningkatkan nama Malaysia," katanya lagi.

Sementara itu, Afidlin menyarakkan kerajaan memberi lebih fokus kepada memperkasaan industri hiburan lain seperti muzik, penyiaran dan media yang turut membantu dari segi merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

"Kuala ada satu pakej yang boleh menjana pekerjaan dan menyenangkan menghasilkan sesuatu karya, itu adalah satu perkara bagus dan amat dialu-alukan," katanya.

Pada pembentangan Belanjawan 2024, kerajaan menyediakan RM160 juta bagi melaksanakan pelbagai inisiatif untuk manfaat penggiat seni dalam usaha menyokong bakat kreatif tempatan dan menggalakkan lebih banyak penghasilan karya seni di Malaysia.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM60 juta diperuntukkan di bawah DKD bagi mempromosikan karya tempatan dan menyokong kandungan berteraskan nilai kenegaraan.

Sebanyak RM90 juta pula disediakan di bawah inisiatif Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI) untuk terus menggalakkan penghasilan filem bertaraf antarabangsa, manakala RM10 juta bagi menyediakan Skim Dana Padaman MyCreative dalam usaha menyokong anak-anak seni menghasilkan projek kreatif.

Mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan untuk gandakan peruntukan daripada RM160 juta tahun lalu kepada RM320 juta

Zed Zaidi,
Presiden SENIMAN

Hakikatnya kita memerlukan lebih banyak pembinaan studio untuk penggambaran di luar dan dalaman seperti dibina di Korea Selatan

Afidlin Shauki,
Pengerusi FDAM





KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	17 Oktober 2024
Ruang	Negara!
Muka Surat	16

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

Perkeso, PBT kerjasama promosi caruman

SABAK BERNAM – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Selangor bekerjasama dengan 11 pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan penjaja dan peniaga berlesen mencarum Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) berkuat kuasa awal tahun depan.

Pengarahnya, Ismail Abi Hashim berkata, perkara itu dibentangkan pihaknya ketika Mesyuarat Fokus Grup Pembasmian Kemiskinan yang dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Haris Kasim, baru-baru ini.

“Kami telah memaklumkan tentang keperluan mendapatkan kerjasama PBT berkaitan caruman SKSPS bagi peniaga dan penjaja tersebut.

“Setakat ini, kami mendapat kerjasama baik daripada semua PBT di Selangor dalam usaha meningkatkan kesedaran golongan itu sekiranya berlaku bencana ketika bekerja,” katanya pada program penyerahan Kotak Prihatin Perkeso kepada seorang waris penerima di Kampung Sungai Leman, Sekinchan di sini, semalam.

Sebelum ini Perkeso mewajibkan penjaja dan peniaga mencarum SKSPS bermula 1 Januari tahun depan.

Langkah maridatori itu dilak-

sanakan menerusi Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Kadar Caruman Bagi Penjaja Atau Peniaga) 2024 yang diwartakan pada 30 Ogos lalu.

Tambah Ismail, usaha itu akan terus dipergiatkan di setiap PBT bagi memastikan jumlah individu mencarum terus meningkat.

“Perkeso sememangnya berdepan cabaran antaranya memastikan penjaja dan peniaga memperbaikui caruman mereka pada setiap tahun.

“Kamu mahu golongan itu terus mencarum dan bukannya hanya sekadar sekali melakukannya” ujarnya.

Dalam pada itu, kata beliau, pihaknya menyerahkan faedah Perkeso kepada anak Allahyarham Siti Sumiah Tumin yang meninggal dunia akibat jangkitan kuman di kaki pada 19 Jun lalu.

“Allahyarham pernah bekerja di sebuah syarikat swasta sehingga tahun 2003 namun tidak mencukupi untuk tuntutan penakat Akta 4.

“Namun, Perkeso meluluskan bayaran faedah pengurusan mayat berjumlah RM3,000 dan bayaran penakat kepada dua anak arwah sebanyak RM180 sebulan,” katanya.



ISMAL (dua kanan) menyampaikan kotak prihatin Perkeso kepada waris penerima di Kampung Sungai Leman, Sekinchan semalam.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Tamil Malar
Tarikh	17 Oktober 2024
Ruang	News
Muka Surat	4



சொக்ஸோ தீட்டத்தீன்கீழ் 500,000 சில்லத்தரசிகளுக்குப் பாதுகாப்பு

கோலாலம்பூர், அக். 17-

சொக்ஸோ எனப்படும் சமூகப் பாதுகாப்புத் தீட்டத்தீன்கீழ் கிட்டத்தட்ட ஜந்து லட்சம் இல்லத்தரசிகளுக்குப் பாதுகாப்பு வழங்கப்பட்டுள்ளது. இல்லத்தரசிகள் சமூகப் பாதுகாப்புத் தீட்டத்தீன் (எஸ்கேஸ்எஸ்ஆர்) கீழ் தங்களின் பெயரைப் பதிவு செய்து கொண்டு சந்தாவும் செலுத்தி வருகின்றனர். அந்த இல்லத்தரசிகள் நேரடியாகவே சந்தா செலுத்தலாம். அல்லது அவர்களின் சார்பில் கணவர் அல்லது மூன்றாம் தரப்பினரும் அதனைச் செலுத்தலாம். ஆண்டுக்கு 120 வெள்ளி செலுத்தீனால் சொக்ஸோவின் சலுகைகளை அவர்கள் அனுபவிக்க முடியும் என்றும் மனிதவள் அமைச்சர் ஸ்ரீவன் சிம் குறிப்பிட்டார்.

